



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

EMAS DAN PERAK

ANTARA MANFAAT DAN TUNTUTAN SYARA'

[SN721606] Dinar emas dan dirham perak sudah tidak menjadi satu isu yang asing lagi bagi warga Malaysia. Akhir-akhir ini, isu matawang ini kembali mendapat perhatian apabila Negeri Kelantan di bawah pimpinan Parti Islam SeMalaysia (PAS) telah membuat pengumuman untuk melaksanakan penggunaan kedua-dua matawang ini di negeri yang pernah bergelagor 'Serambi Mekah' itu.

Pada 21 Mei, 2006 yang lalu, media-media massa di negara ini telah melaporkan bahawa Negeri Kelantan akan mula melaksanakan penggunaan dinar emas dan dirham perak dalam 3 bulan yang akan datang bermula dengan penerimaannya di cawangan kedai pajak gadai ar-Rahnu di seluruh negeri. Datuk Husam Musa, Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Kewangan, Perancangan Ekonomi dan Pembangunan Masyarakat Negeri Kelantan berkata bahawa kerajaan Negeri juga bercadang untuk menggunakan dinar dan dirham bagi pembayaran gaji penjawat awam negeri.

Berita ini telah mendapat perhatian kerajaan pusat dan tanpa berlengah, terus ditolak oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Menteri Kewangan. Perdana Menteri yang pada ketika itu berada di Sharm El-Sheikh bagi menghadiri Forum Ekonomi Dunia berkenaan Asia Barat telah menegaskan bahawa kerajaan pusat tidak akan membenarkan kerajaan Kelantan mengeluarkan matawang sendiri. Menjawab reaksi Perdana Menteri itu, Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menjelaskan bahawa kerajaan Negeri akan menghantar Datuk Husam Musa ke Putrajaya bagi menerang dan membincangkan pelan tersebut dengan lebih lanjut agar perlaksanaannya dapat dilangsungkan. Tambahnya lagi, cadangan pelaksanaan dinar dan dirham bukanlah sesuatu yang baru tetapi perkara ini telahpun diketengahkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Penggunaan emas dan perak sebagai matawang bukanlah sesuatu yang baru bagi umat Islam, bahkan dunia sekalipun. Emas memang telah lama digunakan sebagai piawai matawang di seluruh dunia sehinggalah pada 15 Ogos 1971 apabila Presiden Amerika Syarikat (AS) ketika itu, Richard Nixon, mengumumkan bahawa AS membatalkan Perjanjian Bretton Woods yang dibuat pada 1 Julai 1944. Sejak dari itu, emas tidak lagi menjadi piawai matawang dunia dan dunia mula mengamalkan wang 'fiat'.

Dalam kita ghairah ingin melaksanakan sistem matawang berasaskan emas dan perak ini, beberapa persoalan perlu diberi perhatian. Yang pertama dan utama, apakah sebab sebenar kita memilih untuk kembali menjadikan emas sebagai piawai kepada matawang? Adakah kita mahu melaksanakan sistem kewangan emas dan perak ini kerana manfaatnya atau sebab-sebab lain? Inilah yang akan dikupas oleh Sautun NahdhaH pada kali ini di dalam ruang yang serba terbatas ini.

Sekilas Fakta

Sejarah dunia menjadi saksi bahawa sistem emas dan perak telah digunakan sejak sekian lama sehinggalah ia ditinggalkan pada 1914 apabila

negara-negara yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama telah sewenang-wenangnya mencetak wang kertas bagi perbelanjaan sewaktu perang. Pada 1933, Amerika Syarikat kerana 'Great Depression'nya telah membatalkan piawaian emas untuk mengatasi masalah ekonomi ketika itu. Pada Julai 1944, emas kembali diambil menjadi piawai untuk menstabilkan kadar tukaran antarabangsa selepas Perang Dunia Kedua. Akhir sekali penggunaannya telah dikuburkan pada 1971 dengan pembatalan sistem Bretton Woods.

Jika diteliti, AS memainkan peranan yang paling penting di dalam menghidup dan mematikan sistem emas ini. AS yang telah lahir menjadi gergasi ekonomi dunia setelah Perang Dunia Kedua telah diterima dunia sebagai 'hakim' dalam segala hal, termasuk dalam menentukan piawai matawang dunia. 'Hakim' ini dengan begitu licik telah berjaya menukar dan menjadikan matawangnya sebagai *standard* ukuran yang baru. Setelah pertukaran piawai inilah dunia tak habis-habis dilanda krisis matawang. Pemansuhan nilai tara Dolar AS kepada emas dan penggunaan wang 'fiat' inilah yang sebenarnya menjadi punca kepada krisis-krisis ekonomi dunia, yang sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan matawang.

Krisis demi krisis yang berlaku ke atas ekonomi dan matawang telah menyebabkan negara-negara di dunia mencari penyelesaian alternatif. Negara-negara Eropah adalah antara yang sudah tidak tahan dengan 'karenah' AS. Mereka mula sedar bahawa AS berjaya menguasai perekonomian dunia kerana kekuatan yang dimilikinya. Menyedari punca kekuatan AS tersebut, negara-negara Eropah ini pun telah mengorak langkah yang sama, mencari kekuatan lain. Mereka sedar bahawa jika mereka bertindak sendirian, AS akan dengan mudah 'membaham' mereka. Oleh yang demikian, mereka bersepakat untuk bersatu dan mula berunding untuk mengadakan perjanjian kesepakatan. Setelah melalui beberapa proses yang panjang, maka lahirlah Kesatuan Eropah (EU). Semua bangsa telah mengiktiraf bahawa EU merupakan satu kekuatan baru dunia, bukan setakat di bidang ekonomi sebagaimana matlamat asal penubuhannya, malah telah berkembang kepada lain-lain kekuatan. Mahu tidak mahu, AS juga 'terpaksa akur' dengan saingan barunya ini. Dengan gabungan baru ini (sekarang 25 buah negara kesatuan), mereka telah berjaya menundukkan kekuatan AS. Ternyata, gabungan negara-negara Eropah yang didirikan atas dasar manfaat bersama ini, telah membuahkan hasil.

Kekuatan hanya dapat diperolehi sekiranya sesuatu itu dijalankan secara bersama. Belajar dan sedar akan kejayaan yang telah dicapai oleh EU, bekas Perdana Menteri pun mencadangkan perkara yang sama dilakukan oleh negara-negara lain yang bernaung di bawah mana-mana kesepakatan antarabangsa, antaranya ASEAN dan OIC. Semasa menutup 'Seminar Antarabangsa Dinar Emas Dalam Perdagangan Pelbagai Hala' anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di Kuala Lumpur pada 23/10/2002, beliau menegaskan bahawa 'penggunaan dinar emas akan membentuk sistem pembayaran dan perdagangan mata wang tersendiri yang melindungi negara Islam daripada rejim kewangan antarabangsa yang hanya memberi faedah kepada negara kaya dan berkuasa.' [**Utusan Malaysia 24/10/2002**]. Hari ini kita melihat kerajaan Kelantan mula mengambil pendirian yang lebih kurang sama dengan Dr. Mahathir di dalam hal ini.

Persoalannya – adakah emas dan perak hanya perlu digunakan **sebagai alternatif** kepada sistem matawang sekarang? Atau ternyata kerana **kestabilan nilai** yang dimiliki oleh kedua-dua bahan logam tersebut, berbanding Dolar AS? Atau ianya adalah kerana **ingin mengelak** dari ditindas oleh negara-negara Kapitalis yang zalim? Atau kerana **mendatangkan manfaat** bila digunakan berbanding wang kertas?

Seputar Sejarah Dinar Dan Dirham

Menurut Syeikh Abdul Qadim Zallum di dalam kitabnya, *Al-Amwal Fi Daulatil Khilafah* (1983),

dinar dan dirham telah dikenali oleh orang Arab sebelum datangnya Islam, kerana aktiviti perdagangan yang mereka lakukan dengan negara-negara sekitarnya. Ketika pulang dari Syam, mereka membawa dinar emas Romawi (Byzantium) dan dari Iraq mereka membawa dirham perak Parsi (Sassanid). Kadang-kadang mereka membawa pula sedikit dirham Himyar dari Yaman. Jadi saat itu banyak matawang asing masuk ke Hijaz; bagaimanapun yang paling banyak adalah berupa dinar emas Romawi dan dirham perak Parsi.

Namun begitu, orang Arab saat itu tidak menggunakan dinar dan dirham tersebut menurut nilai nominalnya melainkan menurut beratnya. Ini adalah kerana matawang yang ada hanya dianggap sebagai kepingan emas atau perak. Mereka tidak menganggapnya sebagai matawang yang dicetak, mengingat bentuk dan timbangannya yang tidak sama dan kerana kemungkinan terjadinya penyusutan berat akibat peredarannya. Kerana itu, untuk mencegah terjadinya penipuan, mereka lebih suka menggunakan piawai timbangan khusus yang telah mereka miliki iaitu *auqiah, nasy, nuwah, mitsqal, dirham, daniq, qirath* dan *habbah*.

Setelah Islam datang, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa Sallam mengakui (men-*taqrir*) berbagai muamalat yang menggunakan dinar Romawi dan dirham Parsi. *Taqrir* (pengakuan) dari Rasulullah inilah yang telah memperjelaskan kepada kita bahawa inilah sistem matawang Islam dan sekaligus menjadi hukum syara' tentang kewajiban penerapannya. Sehubungan dengan dinar dan dirham ini, Rasulullah juga telah mengakui *standard* timbangan yang wujud pada waktu itu hendaklah diukur dengan menimbang berat dinar dan dirham. Tentang ini Rasulullah bersabda, "*Takaran adalah takaran penduduk Madinah dan timbangan adalah timbangan penduduk Makkah*" [**HR Abu Daud, an-Nasa'i, al-Baihaqi**]

Kaum muslimin terus menggunakan dinar Romawi dan dirham Parsi ini di dalam bentuk, cop dan gambar aslinya sepanjang hidup Rasulullah dan dilanjutkan semasa kekhilafahan Abu Bakar As-Siddiq dan awal kekhilafahan Umar Al-Khattab. Pada tahun ke 20 Hijriyyah (tahun ke 8 pemerintahan Umar), Khalifah Umar telah mencetak wang dirham baru berdasarkan bentuk dirham Parsi. Berat, gambar mahupun tulisan *Bahlawinya* (huruf Parsi) masih tetap ada, hanya ditambah dengan lafaz yang ditulis dengan huruf Arab gaya Kufi, seperti lafaz '*Bismillah*' dan '*Bismillahi Rabbi*' yang terletak pada lingkaran tepi. Hal ini diteruskan oleh kaum muslimin berabad-abad kemudian.

Pada tahun 75 Hijriyyah (695M), Khalifah Abdul Malik Bin Marwan mencetak dirham khusus yang bercorak Islam, dengan lafaz-lafaz Islam yang ditulis dengan huruf Arab gaya Kufi. Bentuk dirham Parsi tidak dipakai lagi. Dua tahun kemudian, Khalifah Abdul Malik mencetak dinar khusus yang bercorak

Islam setelah meninggalkan dinar Romawi. Selain itu, beliau mengarahkan pula untuk menghapuskan gambar-gambar manusia dan haiwan pada dinar dan dirham dan diganti dengan lafaz-lafaz Islam. Lafaz-lafaz Islam yang tercetak itu misalnya kalimat ‘*Allahu Ahad*’ dan ‘*Allahu Baqa*’. Ada dinar dan dirham yang ditulis ‘*La ilaha illallah*’, sedang pada sisi sebaliknya terdapat tarikh cetak serta nama Khalifah atau Wali (Gubener) yang memerintah pada masa percetakan matawang tersebut. Sejak saat inilah kaum muslimin mempunyai dinar dan dirham yang tersendiri yang digunakan sebagai matawang rasmi negara. Fakta ini terus berlanjutan sepanjang sejarah sehinggalah menjelang Perang Dunia Pertama ketika dunia menghentikan penggunaan emas dan perak sebagai matawang.

Menerapkan Emas Dan Perak Dalam Sistem Kapitalis?

Model pelaksanaan dinar emas yang cuba diketengahkan pada ketika ini masih lagi meletakkan emas dan perak hanya sebagai bentuk fizikal dan bukannya sebagai piawai nilai matawang itu sendiri. Ini bermakna, dinar emas dan dirham perak yang cuba dilaksanakan masih lagi dinilai berdasarkan matawang sedia ada. Sebagai contoh, jika kita ingin membayar gaji RM1,000 kepada seorang pekerja di dalam bentuk emas, maka di dalam mengira gaji ini, jumlah emas akan dikira dan diukur agar bersamaan dengan jumlah RM1,000 tersebut. Setelah itu, wang emas akan dibayar kepada pekerja tadi yang mana nilainya sama dengan RM1,000. Isunya di sini ialah, apakah yang telah dijadikan sebagai sandaran, emas atau RM? Jelas sekali bahawa yang dijadikan sandaran (untuk nilai tukar) di sini ialah Ringgit Malaysia (RM1,000 tadi), bukannya emas. Dengan kata lain, jumlah emas akan ditukar agar berjumlah RM1,000. Walhal, di dalam Islam, yang sepatutnya dijadikan sandaran adalah emas, bukannya Ringgit Malaysia. Inilah yang dimaksudkan dan dikehendaki oleh Islam - menjadikan emas dan perak sebagai sandaran, bukan sebaliknya. Ini hanyalah secebis dari contoh betapa rosaknya pelaksanaan Islam apabila ingin diterapkan di dalam Sistem Kapitalis. ‘Sistem’ Islam akan tetap berada di bawah ketiak Kapitalis. Inilah hakikat yang perlu disedari oleh kaum muslimin.

Jika dulu Dr. Mahathir menyarankan supaya emas diperdagangkan di peringkat antarabangsa sahaja, bukan domestik, kerajaan Kelantan sebaliknya ingin melaksanakan sistem emas dan perak ini di peringkat negeri sahaja. Dari perspektif *siyash* ekonomi, pelaksanaan yang bersifat setempat semata-mata akan menyebabkan keterbatasan (jika tidak kemustahilan) untuk kita mengawal nilai emas dan perak di dalam pasaran. Kedua-dua faktor ini akan menyebabkan dinar emas dan dirham perak tetap tidak bebas daripada pengaruh nilai matawang seperti Dolar AS, Ringgit Malaysia mahupun matawang-matawang lainnya. Ia tetap akan dapat

dimanipulasi dengan begitu mudah oleh Sang Kapitalis. Saudaraku! Sistem yang Allah ciptakan ini adalah untuk diterapkan di bumiNya secara menyeluruh. Allah Subhanahu wa Ta’ala tidak pernah memerintahkan kita untuk menegakkan DeenNya ditempat-tempat tertentu sahaja. Islam bukan agama yang bersifat ‘*local*’. Islam adalah Deen yang ‘*universal*’. Allah tidak memberikan hak ke atas manusia untuk memilih tempat penerapannya sesuka hati manusia. Deen Allah ini wajib diperjuangkan dan ditegakkan di mana sahaja penjuru bumi yang kaki kita berpijak di atasnya. Apabila Islam diterapkan sebagaimana yang Allah perintahkan, maka ia akan membawa rahmat, bukan sahaja ke Kelantan malah ke seluruh alam.

Jika Dr. Mahathir disekat oleh undang-undang dan persetujuan Antarabangsa dari menerapkan dinar emas, maka kerajaan PAS Kelantan, sudah terang lagi bersuluh, akan disekat oleh Perlembagaan dan dasar Kerajaan Pusat dari menerapkan perkara yang sama. Wahai kaum muslimin! Mereka yang tidak menjadikan Islam sebagai asas pemikirannya tidak akan berdiam diri, sebaliknya akan bermati-matian menyekat dan menghalang Sistem Islam dari dilaksanakan. Inilah hakikatnya. Sangat aneh sekiranya kalian masih merasakan bahawa terdapat peluang untuk menerapkan Islam di dalam Sistem Kapitalisme yang zalim ini. Pertentangan di antara Ideologi Kapitalis dengan Ideologi Islam saat ini begitu jelas dan ketara sekali. Sistem Sekular yang lahir dari Ideologi Kapitalis inilah yang telah menjerut dunia amnya dan umat Islam khususnya. Sekularisme telah mengajar manusia bahawa hak untuk membuat undang-undang adalah di tangan manusia. Inilah sistem yang telah merosakkan umat Islam. Kita wajib berjuang untuk menukar sistem ini dengan Sistem Islam yang menyatakan bahawa hak untuk membuat undang-undang adalah di tangan Allah. Wahai saudaraku! Sistem Islam tidak akan dapat diharmonikan dengan Sistem Kufur. Yang hak tidak akan dapat bersatu dengan yang batil di mana pun dan sampai bila pun. Kebenaran tidak akan bersatu di dalam kebatilan. Apabila telah datang yang hak, maka lenyaplah segala yang batil!

Sistem Islam adalah sebuah sistem yang sempurna dan berdiri sendiri. Ia adalah sistem ciptaan Allah Subhanahu wa Ta’ala yang tidak ada sedikit pun cacat cela atau kekurangan di dalamnya. Ideologi Islam tidak perlu malah tidak boleh (haram) untuk dicampur adukkan bersama dengan Ideologi Kapitalis. Sistem Ekonomi Islam telah terbukti berjaya membawa kesejahteraan kepada seluruh umat manusia dan sebaliknya Sistem Ekonomi Kapitalis telah terbukti ‘berjaya’ menghancurkan-luluh dan memporak-purandakan umat manusia. Apakah dengan petunjuk yang jelas dari Rabb kita akan kewajipan dan kesempurnaan Sistem Islam masih membuatkan kita memilih untuk bersama bermuafakat dengan Sistem Kapitalis yang kufur di dalam menerapkan Islam?

Dinar Dan Dirham – Manfaat Atau Tuntutan?

Wahai kaum muslimin! Kami ingin memberi peringatan kepada kalian semua bahawa tuntutan agar menjadikan emas dan perak sebagai asas kepada nilai matawang adalah satu tuntutan syara'. Ia tidak boleh sama sekali ditukar ganti dengan sistem yang lain atau diterapkan berdasarkan manfaat atau maslahat yang ada padanya. Kita bukan ingin menerapkannya kerana ia sejajar dengan apa yang telah dipersetujui dan ingin dilaksanakan oleh bekas Perdana Menteri atau lain-lain sebab. Menjadikan emas dan perak sebagai *standard* matawang adalah perkara yang diperintahkan oleh Allah dan RasulNya. Kewajipan penggunaan sistem matawang dinar dan dirham adalah **berdasarkan syariat Islam semata-mata**, bukan atas dasar kestabilan nilai, manfaat dan sebagainya. Benar, emas dan perak mempunyai nilai yang stabil dan banyak manfaatnya, tetapi ingatlah wahai kaum muslimin, bahawa sistem ini datangnya dari aqidah yang kita anuti ini. Zat Yang Maha Agung telah memerintahkan kita untuk menerapkannya. Inilah satu-satunya alasan dan sebenar-benar sebab kenapa kita perlu kembali kepada dinar dan dirham.

Di dalam menerapkan sistem matawang dinar dan dirham ini, perlu diperhatikan bahawa Rasulullah tidak mewajibkan emas atau perak sebagai satu-satunya alat tukar dan alat pengukur manfaat di antara manusia. Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa Sallam juga membiarkan manusia bebas untuk melakukan tukar-menukar barang (sistem barter). Hanya saja, dalam menukar barang-barang ini kepada satu nilai matawang, Islam menyandarkannya hanya kepada nilai emas dan perak. Peri pentingnya emas dijadikan ***standard ukuran*** di dalam Islam dapat diperhatikan berdasarkan ketetapan-ketetapan yang telah digariskan oleh Islam, antara lain adalah seperti berikut:

1. Pada ketika Islam mengharamkan penimbunan harta, Islam secara jelas menetapkan penimbunan tersebut dalam bentuk emas dan perak biarpun secara amnya harta yang boleh dimiliki manusia boleh wujud dalam pelbagai bentuk seperti rumah, kenderaan, makanan, wang dan sebagainya. Walaubagaimanapun, keharaman penimbunan itu hanya terkait dengan penimbunan wang dan bukannya kepada barang atau perkhidmatan. Larangan ini berdasarkan firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

﴿يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْ كَثِيرًا مِّنَ الْأَحْبَارِ وَالرُّهْبَانِ لَيَأْكُلُونَ أَمْوَالَ
النَّاسِ بِالْبَاطِلِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ
وَالْفِضَّةَ وَلَا يُبْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾

“Hai orang-orang yang beriman, Sesungguhnya sebahagian besar dari orang-orang alim Yahudi dan rahib-rahib Nasrani benar-benar memakan harta orang dengan jalan batil dan mereka menghalang-halangi (manusia) dari jalan Allah. dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak menafkahkannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka (bahawa mereka akan mendapat) siksa yang pedih.”

[TMQ at-Taubah:34]

2. Islam telah mengaitkan emas dan perak kepada hukum-hukum yang lain. Sebagai contoh, *diyat* telah ditetapkan nilainya di dalam takaran emas. Juga di dalam penentuan had memotong tangan bagi pencuri, Islam telah meletakkan nilai minimum yang dicuri berdasarkan emas. Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa Sallam bersabda, *“Tangan dipotong bagi kecurian suku (satu per empat) dinar atau lebih.”* [HR Bukhari]

Khatimah

Wahai kaum muslimin! Kita sememangnya merindukan Sistem Islam. Sesungguhnya sistem inilah yang telah menyelamatkan bukan sahaja umat Islam malah umat manusia secara keseluruhannya. Sistem ini jugalah yang telah menghapuskan segala kekejaman dan kezaliman sistem ciptaan manusia. Sistem inilah yang menjadi satu-satunya harapan umat Islam dalam memastikan seluruh kehidupan ini dipenuhi dengan berkah dan rahmah. Sedarlah wahai saudaraku, agenda terpenting umat Islam pada ketika ini bukanlah sekadar untuk mengembalikan sistem dinar dan dirham semata-mata tetapi lebih daripada itu adalah untuk mengembalikan keseluruhan hukum Islam ke dalam kehidupan dan mempersatukan wilayah-wilayah Islam di bawah satu entiti. Jika Eropah telah sedar dan bersatu di bawah EU untuk membentuk kekuatan, kita wahai saudaraku, perlu bangkit dan bersatu di bawah satu Daulah Khilafah, gabungan yang merupakan penyatuan hakiki umat Islam, dengan kekuatan penyatuan yang dijamin oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala. Wahai kaum muslimin! Kekuatan kita adalah dengan penyatuan kita dan penyatuan kita adalah dengan penyatuan di bawah Daulah Khilafah 'ala minhaj nubuwwah.

Nasyrah Mingguan:

**Hizb Tahrir
MALAYSIA**

www.hizb-ut-tahrir.info

Penyalinan semula artikel ini amat dialu-alukan. Semoga usaha anda dapat mengembangkan dakwah Islam dan diredhai Allah swt. Tiada Hakcipta dalam Islam. Sebarang pertanyaan atau komen, sila e-mailkan kepada htm@mykhilafah.com atau layari www.mykhilafah.com